

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2B

Klip Video 10

Pakej MEKAR	2B
Unit 11	Menjalin Hubungan
Tajuk Klip Video	Bersukan Bersama Rakan
Fokus Interaksi Lisan	Perbualan
Aspek Bahasa	Kata Sendi Nama dan Frasa Sendi Nama
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam perbualan mengenai bersukan dengan rakan-rakan.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> menonton klip video 'Bersukan Bersama Rakan' berbual tentang klip video yang ditonton memberikan respons kepada soalan-soalan guru menonton klip video sekali lagi secara berpasangan berbual dengan rakan berdasarkan tajuk 'Bersukan Bersama Jiran' main peranan menggunakan Kad Panduan Perbualan melengkapkan borang penilaian. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> mengumpulkan maklumat sukan yang digemari oleh ahli keluarganya melukis, menamakan sukan yang digemari oleh ahli keluarganya berkongsi di kelas dengan rakan-rakan. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> 'Kad Panduan Perbualan' (KPP) diletakkan di atas meja Murid boleh membuka KPP untuk membantu perbincangan mereka Guru boleh menyesuaikan jenis permainan bagi murid lelaki dan perempuan yang diberikan dalam KPP <p>Soalan Saranan</p> <ol style="list-style-type: none"> Video ini mengenai apa? Siapakah yang bermain bola sepak? Di manakah mereka bermain bola sepak? Farhan ada kelas apa pada hari Sabtu? Apakah nasihat Amir kepada Farhan? Adakah mereka bekerjasama? <p>Bahan</p> <p>Kad Panduan Perbualan Lampiran – Aktiviti Perbualan Senarai Semak (Guru dan Murid)</p>

Contoh Kad Panduan Perbualan (1)

‘Boleh Saya Bermain Sama?’

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Kamu ternampak sekumpulan jiran yang sebaya dengan kamu sedang bermain bola sepak/badminton.

Secara berpasangan, main peranan dengan menggunakan Kad Soalan Panduan Perbualan (1) di bawah ini. Kamu diminta berkenalan dan bertanya sama ada kamu boleh bermain sama.

Watak 1	Apa khabar? Nama saya _____.	
	Khabar baik. Nama saya _____.	Watak 2
Watak 1	Saya baharu _____ ke sini. Saya nampak awak dan _____ bermain _____.	
	Ya, kami selalu bermain _____.	Watak 2
Watak 1	Awak bermain pada setiap hari _____? Boleh saya _____ sama?	
	Ya, saya selalu _____. Sudah tentu, awak boleh _____.	Watak 2
Watak 1	Terima kasih. Baiklah, pada _____ saya datang.	

Contoh Kad Panduan Perbualan (2)

'Boleh Saya Bermain Sama?'

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Kamu mahu bermain bola sepak/badminton bersama rakan jiran baharu kamu. Kamu telah ke tempat mereka bermain. Secara berkumpulan, main peranan dengan menggunakan Kad Panduan Perbualan (2) di bawah ini.

Watak 1	, _____ dan _____, ini jiran _____ saya. Namanya _____.	
	Apa khabar _____.	Watak 2 dan 3
Watak 4	_____ baik. Terima kasih kerana _____.	
	Kami suka awak hendak _____.	Watak 2
Watak 3	Awak ada membawa _____? _____.	
	Ya, saya ada membawa _____. _____.	Watak 4
Watak 1	Baiklah, mari kita _____. _____.	

Aktiviti Perbualan ‘Boleh Saya Bermain Sama?’

Borang Rubrik: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Rubrik Kemahiran Interaksi Lisan – Perbualan (Individu)

Murid dapat ...	★★★★★	★★★	★★	★
1 mengikut arahan guru.				
2 berbual bersama rakan dengan lancar.				
3 menunggu giliran semasa berbual.				
4 melakukan tugas tanpa bantuan guru.				
5 menggunakan sebutan baku.				

Aktiviti Perbualan ‘Boleh Saya Bermain Sama?’

Borang Rubrik: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Semasa berbual saya dapat...	★★★★	★★★	★★	★
1 memahami arahan guru.				
2 berbual bersama rakan dengan lancar.				
3 menunggu giliran semasa berbual.				
4 tidak memerlukan bantuan guru semasa berbual.				
5 menggunakan sebutan baku.				